

Unsur sains dan sastera dalam novel remaja terpilih

ABSTRAK

Kertas kerja ini membicarakan unsur sains dan sastera yang terdapat dalam novel remaja terpilih. Kajian yang dilakukan ini bertitik tolak daripada pengamatan pengkaji berdasarkan pandangan sarjana sastera yang mengatakan novel-novel remaja berunsur sains sering dianggap tidak menyetengahkan fakta sains dan mengabaikan nilai sastera seperti yang digambarkan melalui dialog, watak-watak dan peristiwa dalam novel tersebut. Kajian ini akan mengklasifikasi, menganalisis dan merumus unsur sains dan sastera yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan. Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan ialah kualitatif iaitu, kepustakaan, analisis teks dan penerapan teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K). Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa unsur sains antaranya sains gunaan dan sains zoologi manakala unsur sastera seperti nilai-nilai murni, pemikiran, emosi dan gaya bahasa amat relevan dengan empat prinsip yang terdapat dalam teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K) iaitu Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaran, Pemikiran esaintifikan dan Pemikiran Kekreatifan.

Katakunci: Unsur sains; Sastera; SPB4K; Novel; Remaja